



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PEMAHAMAN BACAAN BAHAN BAHASA MELAYU
DALAM KALANGAN REMAJA***

AZLINDA BINTI A. RAHMAN

FBMK 2018 47



**PEMAHAMAN BACAAN BAHAN BAHASA MELAYU
DALAM KALANGAN REMAJA**

Oleh

AZLINDA BINTI A. RAHMAN

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,Universiti
Putra Malaysia,sebagai memenuhi keperluan untuk Doktor Falsafah**

Mei 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

*Buat bonda dan ayahanda tercinta
Jutaan terima kasih atas doa kalian.
Kuhargai segala pengorbananmu,
Kuingati setiap pesananmu, dikaulah sumber inspirasi kejayaanku
Kejayaanku adalah hadiah buat kasih sayangmu*

*Buat adik-beradik, serta keluarga, terima kasih atas doa dan sokongan kalian.
Teman-temanku terutama Rahimah Basir, rakan sejawatan yang memahami
keperitan ini, dan orang perseorangan yang sentiasa di sisi ini tatkala
suka dan duka
Kuharapkan ikatan kasih sayang dan persahabatan yang terjalin, kekal abadi
Semuanya amat bererti buat diriku....*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

PEMAHAMAN BACAAN BAHAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN REMAJA

Oleh

AZLINDA BINTI A. RAHMAN

Mei 2018

Pengerusi : Profesor Madya Noor Aina Dani, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertujuan untuk meneliti strategi pemahaman membaca bahan bahasa Melayu dalam kalangan kumpulan remaja. Dalam kajian ini, pengkaji mengkaji 60 orang remaja di Sekolah Menengah Kebangsaan (Model Khas) Batu Kikir, Negeri Sembilan, Malaysia. Mereka ialah pelajar tingkatan 1, 2 dan 3. Kaedah eksperimen ujian pra dan pasca ditadbir ke atas ketiga-tiga kumpulan remaja.

Kriteria keberhasilan kemampuan memahami teks semua kumpulan remaja (13, 14 dan 15 tahun) meningkat selepas mengikuti pembelajaran yang menerapkan strategi meta kognitif PQ4R. Analisis aras kognitif menunjukkan bahawa soalan yang banyak dijawab dengan betul ialah soalan tahap literal, dengan sumber jawapan yang jelas diperoleh daripada teks. Soalan ini hanya memerlukan pembaca mengecam-mengingat maklumat dalam teks. Sebanyak 2 kategori soalan sukar dijawab oleh semua kumpulan remaja. Kategori pertama ialah soalan tahap inferens yang melibatkan keperluan untuk berfikir dan mencari maklumat di luar kandungan teks. Kategori kedua ialah soalan interpretasi dengan yang melibatkan pandangan serta alasan yang wajar berhubung isu yang dibangkitkan.

Kajian ini menerangkan juga pemilihan langkah-langkah strategi PQ4R dalam pemahaman membaca dalam kalangan subjek kajian. Selepas aplikasi strategi PQ4R, secara purata, pengkaji mendapati bahawa peratus penggunaan langkah-langkah strategi meta kognitif adalah dalam lingkungan 71% - 85%. Tahap keaktifan pemahaman membaca semua kumpulan remaja ditentukan berdasarkan pemerhatian guru Bahasa Malaysia di sekolah, tempat kajian dijalankan. Secara umum, tahap keaktifan pemahaman membaca kumpulan remaja menurutklasifikasi standard pelaksanaan strategi meta kognitif PQ4R adalah tinggi berbanding dengan kaedah konvensional.

Inventori kesedaran meta kognitif direka sebagai alat untuk membantu pengkaji mengesan penggunaan meta kognitif dalam kalangan remaja semasa membaca. Secara keseluruhan, tafsiran skor daripada ketiga-tiga kumpulan menunjukkan bahawa mereka memilih strategi Penyelesaian Masalah. Pemilihan ini sesuai dengan matlamat sebenar strategi pemahaman membaca yang pada akhirnya bergerak ke tahap penyelesaian masalah secara sedar.

“BERILMU BERBAKTI”
AZLINDA HAJI ABD. RAHMAN
GS 28031

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

READING COMPREHENSION IN MALAY LANGUAGE MATERIALS AMONGST TEENS

By

AZLINDA BINTI A. RAHMAN

May 2018

Chairman : Associate Professor Noor Aina Dani, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This study aims to examine the reading comprehension strategies based on reading materials in Malay by teens. The researcher studied 60 teenagers in Sekolah Menengah Kebangsaan (Model Khas) Batu Kikir, Negeri Sembilan, Malaysia. They are students from Forms 1, 2 and 3. Experimental methods of pre and post test are administered to all three teen groups.

The criteria for performance outcome of the text understanding the text of all teens groups (13, 14 and 15 years of age) increased following the learning that implements the PQ4R metacognitive strategy. The cognitive level analysis shows that many questions are answered correctly are those of literal level, with a clear source of answers obtained from the text. This question only requires the reader to recognize-remembering the information in the text. There are 2 categories of questions that are difficult to answer by all teenagers. The first category is the question at inferential level which involves the need to think and find information beyond the textual content. The second category is interpretation question that involve appropriate views and reasoning on the issues raised.

This study also describes the selection of PQ4R strategy steps in reading comprehension among research subjects. After applying PQ4R strategy, on average, researcher found that the percentage of metacognitive strategy use ranging from 71% to 85%. The level of reading comprehension activeness of all the teens' groups is based on the observation of Bahasa Malaysia teachers in the school where the study was conducted. In general, the level of reading comprehension by the teenage groups according to standard classification of the implementation of the metacognitive PQ4R strategy is high compared to the conventional method.

Metacognitive awareness inventory was designed as a tool to help the researcher to trace the use of metacognitive among teens while reading. Overall, the interpretation of the scores from the three groups showed that they chose the Problem Solving strategy. This selection is in line with the real objective of the reading comprehension strategy that ultimately moves to the level of problem-solving consciously.

“WITH KNOWLEDGE WE SERVE”

AZLINDA HAJI ABD. RAHMAN
GS 28031

PENGHARGAAN

ALHAMDULILLAH RABBIL ALAMIIN, bersyukur ke hadrat ALLAH SWT atas limpah kurnia dan Hidayah-Nya, pengkaji dapat menyiapkan tesis ini. Karya tesis ini ditujukan khas buat ayahanda dan bonda yang tidak pernah jemu menjadi pendorong dan pembakar semangat, yang menjadi model kekuatan dan ketabahan hati ini. Khas untuk adik beradikku yang sentiasa menyokong dan mencetuskan semangat ini. Seterusnya untuk keluarga, sahabat handai, dan anak didikku yang setia di sampingku dalam mendoakan kejayaan ini dan sentiasa ada dalam tempoh pengajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan, jutaan dan sedalam-dalam rasa terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Noor Aina Dani, (selaku pengerusi) yang telah banyak berkorban masa, dan tenaga dalam memberikan sepenuh bimbingan, tunjuk ajar, titipan nasihat bermakna, dan sentuhan nilai kepada pengkaji dari awal hingga ke saat akhir penulisan pengkajian ini. Sesungguhnya pengorbanan ini akan terus diingati hingga ke akhir hayat. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga khas ditujukan buat Dr. Jama'yah binti Zakaria dan Profesor Madya Dr. Arba'ie bin Sujud, (selaku ahli jawatankuasa) atas kesudian memberikan idea yang bernas dalam membantu pengkaji menyiapkan tesis. Hanya ALLAH SWT yang dapat membalas atas semua jasa kalian.

Pengkaji juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah dan kakitangan sokongan, dan rakan seperjuangan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia. Tidak lupa juga kepada Pengetua, barisan pentadbir, para guru dan staf sokongan Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kikir (Model Khas) Negeri Sembilan Malaysia, yang telah memberikan kerjasama, dan sokongan di sepanjang tempoh pengajian pengkaji. Terima kasih juga kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, yang seikhlasnya membantu pengkaji bagi menjalankan kajian ini. Tak lupa juga, jutaan terima kasih untuk semua reponden dan informan bagi pengkajian ini.

Sememangnya, segala rintangan menjadi pemangkin kedewasaan pengkaji dan menjadikan diri ini, insan yang tabah dalam menghadapi kehidupan yang lebih mencabar. Pengkaji mengakui, sesungguhnya segala yang baik itu datangnya daripada ALLAH SWT dan yang buruk itu daripada kelemahan diri ini sendiri. Semoga ALLAH SWT melimpahkan rahmat dan ganjaran-Nya buat kita semua, Amin.

BERILMU BERBAKTI
AZLINDA HAJI ABD. RAHMAN
GS 28031

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Noor Aina Dani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Jama'yah Binti Zakaria, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Arba'ie Bin Sujud, PhD

Profesor Madya
Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Azlinda Binti A. Rahman, GS 28031

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor Madya Dr. Noor Aina Dani

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Jama'yah Binti Zakaria

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor Madya Dr. Arba'ie Bin Sujud

JADUAL ISI KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
 BAB	
 1 PENDAHULUAN	 1
Latar Belakang Kajian	1
Konsep Membaca	1
Pemahaman Membaca Bahan Bacaan dalam kalangan Remaja	2
Strategi Metakognitif dalam Pemahaman Membaca	4
Strategi Metakognitif PQ4R dalam Pemahaman Membaca	4
Pernyataan Masalah	5
Objektif Kajian	8
Persoalan Kajian	8
Kepentingan Kajian	9
Skop Kajian	12
Definisi operasional	13
Pemahaman Membaca	13
Bahan Bacaan	14
PQ4R	15
Golongan Remaja	16
Kesimpulan	16
 2 SOROTAN LITERATUR	 18
Pengenalan	18
Kajian tentang Pemahaman Membaca	18
Kajian tentang Strategi PQ4R	28
Kajian tentang Strategi Kesedaran Meta Kognisi dalam Pemahaman Membaca	34
Perkaitan Sorotan Literatur dengan Kajian ini	39
Kesimpulan	41

3	METODOLOGI	42
	Reka Bentuk Kajian	42
	Kerangka Teori	42
	Strategi Meta kognitif	45
	Model PQ4R	47
	Strategi Metakognitif PQ4R	50
	Kerangka Konseptual	52
	Tempat Kajian	53
	Populasi dan Pensampelan	53
	Kaedah Kajian	53
	Kaedah Eksperimen Ujian Pra-Ujian Pasca	53
	Kaedah Pemerhatian	55
	Pendekatan Kajian	55
	Pemboleh ubah Kajian	56
	Instrumen Kajian	56
	Ujian	56
	Lembaran Kerja Berpandu PQ4R	56
	Inventori Strategi Kesedaran Metakognitif	57
	Jadual Kod Analisis Aras Kognitif Soalan	58
	Borang Pemerhatian Aktiviti Kumpulan Remaja	60
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	60
	Tatacara kajian	61
	Kajian Rintis	61
	Penyediaan Rancangan Pengajaran	61
	Bahan Pengajaran	62
	Kajian Sebenar	67
	Pelaksanaan Tindakan	68
	Pentadbiran Inventori Strategi Kesedaran Metakognitif	69
	Penganalisan Data	70
	Inventori Strategi Kesedaran Metakognitif	71
	Kesimpulan	72
4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	73
	Persembahan Dapatan	73
	Kemampuan Pemahaman Membaca Teks Jenis fakta dalam kalangan Remaja berdasarkan Kaedah Konvensional atau Strategi Metakognitif PQ4R	73
	Penggunaan Strategi PQ4R dalam Pemahaman Membaca	90
	Tahap Keaktifan Pemahaman Membaca Teks Jenis Fakta dalam Kumpulan Remaja	94
	Interpretasi Pemerhatian Guru dalam Sesi Pembelajaran	107
	Interpretasi Tahap Keaktifan Pemahaman Membaca	108
	Rumusan Pemahaman Membaca Teks Berdasarkan Tafsiran	
	Skor Inventori Strategi Kesedaran Metakognitif	110
	Strategi Global	114
	Strategi Penyelesaian Masalah	114
	Strategi Sokongan	114

Tafsiran skor Inventori Kesedaran Metakognitif	118
Potensi Inventori Kesedaran Metakognitif	119
Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	119
Implikasi Dapatan Kajian	121
Kemampuan Pemahaman Membaca Remaja Selepas	
Aplikasi Strategi Metakognitif PQ4R	121
Menyimpulkan Makna Daripada Konteks	121
Tahap Keaktifan Pemahaman Membaca	122
Tafsiran skor Inventori kesedaran metakognitif	123
5 RUMUSAN DAN CADANGAN	125
5.1 Persembahan Dapatan Kajian	125
Objektif 1 : Kemampuan pemahaman membaca remaja dalam lingkungan umur 13, 14 dan 15 tahun selepas aplikasi strategi PQ4R	125
Objektif 2 : Tahap keaktifan pemahaman membaca teks jenis fakta kategori penjelasan dalam kalangan remaja mengikut kumpulan umur	127
Objektif 3 : Rumusan pemahaman membaca teks berdasarkan tafsiran skor kesedaran metakognitif	128
Pemilihan inventori strategi oleh kumpulan remaja	129
5.2 Cadangan	131
5.3 Cadangan Kajian Lanjutan	133
5.4 Kesimpulan	134
RUJUKAN	135
LAMPIRAN	143
BIODATA PELAJAR	157
SENARAI PENERBITAN	158

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Perilaku kesedaran kognitif pembaca baik dan pembaca lemah	25
3.1 Strategi Metakognitif PQ4R dalam membaca	51
3.2 Reka bentuk ujian pra dan pasca kumpulan remaja	54
3.3 Kod analisis aras kognitif soalan	59
3.4 Jadual ujian pra dan ujian pasca mengikut kumpulan remaja	68
4.1 Skor pemahaman teks remaja 13 tahun aplikasi kaedah konvensional	74
4.2 Skor pemahaman teks remaja 13 tahun aplikasi strategi meta kognitif PQ4R	77
4.3 Skor pemahaman teks remaja 14 tahun aplikasi kaedah konvensional	80
4.4 Skor pemahaman teks remaja 14 tahun aplikasi strategi Metakognitif PQ4R	83
4.5 Skor pemahaman teks remaja 15 tahun aplikasi kaedah konvensional	86
4.6 Skor pemahaman teks remaja 15 tahun aplikasi strategi Meta kognitif PQ4R	88
4.7 Langkah Prebiu(<i>Preview</i>) dalam pemahaman membaca	91
4.8 Langkah Soalan (<i>Question</i>) dalam pemahaman membaca	92
4.9 Langkah 1. Baca (<i>Reading</i>) dalam pemahaman membaca	92
4.10 Langkah 2. Refleksi (<i>Reflect</i>) dalam pemahaman membaca	93
4.11 Langkah 3. Baca semula (<i>Recite</i>) dalam pemahaman membaca	93
4.12 Langkah 4. Semak (<i>Review</i>) dalam pemahaman membaca	94
4.13 Tahap keaktifan pemahaman teks Remaja 13 tahun kaedah konvensional	96

4.14	Skor tahap keaktifan pemahaman teks remaja 13 tahun strategi meta kognitif PQ4R	98
4.15	Skor tahap keaktifan pemahaman teks Remaja 14 tahun kaedah konvensional	100
4.16	Skor tahap keaktifan pemahaman teks Remaja 14 tahun strategi meta kognitif PQ4R	102
4.17	Skor tahap keaktifan pemahaman teks Remaja 15 tahun kaedah konvensional	104
4.18	Skor tahap keaktifan pemahaman teks Remaja 15 tahun strategi meta kognitif PQ4R	106
4.19	Inventori strategi kesedaran meta kognitif kumpulan remaja 13 tahun	111
4.20	Inventori strategi kesedaran meta kognitif kumpulan remaja 14 th	112
4.21	Inventori strategi kesedaran meta kognitif kumpulan remaja 15 th	113
4.22	Pilihan strategi kumpulan remaja umur 13 tahun	115
4.23	Pilihan strategi kumpulan remaja umur 14 tahun	116
4.24	Pilihan strategi kumpulan remaja umur 15 Tahun	117

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
3.1 PQ4R (Thomas & Robinson, 1972)	48
3.2 Kerangka konseptual	52



SENARAI SINGKATAN

ms	muka surat
B1	bahasa pertama
B2	bahasa kedua
PROB	Problem Solving atau strategi penyelesaian masalah
GLOB	Global atau strategi pembacaan global
SUP	Support atau strategi sokongan
S	Soalan
X1	Kaedah konvensional
X2	Strategi meta kognitif PQ4R
RPP	Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran
ISKM	Inventori Strategi Kesedaran Meta kognitif

BAB 1

PENDAHULUAN

Bab pendahuluan memaparkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan definisi operasional.

Latar Belakang Kajian

Konsep Membaca

Bahasa ialah wahana untuk menyatakan idea dan perasaan dengan menggunakan pergerakan, simbol, dan bunyi (Bull, 2009:247). Pada umumnya, terdapat empat kemahiran bahasa, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Membaca merupakan salah satu kemahiran bahasa yang mesti dikuasai oleh pelajar. Selain itu, membaca juga merupakan sebab utama pelajar mempelajari sesuatu bahasa. Berdasarkan kurikulum, matlamat utama pengajaran, terutama membaca untuk pelajar sekolah menengah adalah untuk membolehkan mereka membaca buku, artikel, atau teks lain dan menghasilkan pelbagai teks fungsional dan monolog yang pendek, seperti naratif, prosedur, deskriptif dan laporan. Selain itu, matlamat membaca adalah untuk mencari makna perkataan, frasa dan ayat yang telah mereka baca dan menjawab soalan-soalan berdasarkan teks bacaan. Keupayaan untuk memahami sesuatu dari bahan bacaan dalam kalangan pelajar perlu ditingkatkan untuk membolehkan mereka membiasakan diri dengan proses membaca dan memberi mereka masa yang cukup untuk mengembangkan kemampuan pemahaman teks.

Dalam pengajaran dan pembelajaran membaca di sekolah menengah, aspek pemahaman membaca diambil kira sebagai satu perkara yang penting bagi pelajar memahami keseluruhan teks yang dibaca. Menurut Yahya (2008), kemahiran membaca penting bagi menentukan sama ada kandungan teks yang dibaca dapat difahami. Semua pelajar inginkan supaya mereka dapat menguruskan bacaannya dengan berkesan dan dapat memanfaatkannya dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, para pelajar sering berhadapan dengan masalah menguasai dan memahami kandungan teks. Menurutny lagi, pemantapan penguasaan kemahiran membaca perlu diberikan penekanan melalui pengajaran membaca dengan berkesan. Oleh itu, setiap pelajar perlu menguasai kemahiran membaca teks untuk mendapatkan pemahaman dengan lebih bermakna.

Pemahaman membaca ialah kebolehan atau kemampuan memahami dengan sepenuhnya apa yang dibaca. Hal ini merupakan satu proses mendapatkan maklumat daripada komunikasi, sama ada melalui lisan, bertulis atau penggunaan simbol-simbol tertentu dan merangkumi proses mental yang kompleks seperti pengecaman perkataan, pemilihan makna yang sesuai, penubuhan generalisasi dan juga penilaian. Ini dapat menjelaskan bahawa pemahaman membaca adalah satu proses menerapkan maklumat yang terkandung dalam bahan bacaan untuk dicerna dan disimpan dalam minda supaya dapat digunakan apabila perlu. Apabila seseorang pelajar itu membaca, mereka akan melakukan sesuatu pertalian proses memilih, meramal, menguji dan mengesahkan maklumat yang dibaca. Proses ini bukan sahaja dapat membantu mereka menggunakan fikiran secara kritis dan kreatif malah dapat memperkukuh kemahiran membaca dengan lebih berkesan (Wan Dyaurudin, 2017: 2).

Aktiviti yang sangat penting yang boleh digunakan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mencukupi ialah membaca. Melalui aktiviti membaca seseorang mendapat idea, kesimpulan dan pelbagai pandangan pengarang melalui bukti bertulis.

Pemahaman Membaca Bahan Bacaan dalam kalangan Remaja

Membaca memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Membaca tidak terhad mengikut ruang dan waktu. Pelbagai maklumat mengenai sains, teknologi, seni, dan budaya boleh didapati dengan membaca. Peranan utama bacaan mesti seimbang dengan aktiviti pelajar atau hobi dalam membaca. Pelajar tidak mendapat manfaat membaca sepenuhnya jika mereka tidak biasa dengan strategi membaca, dan tidak biasa membaca dengan sendiri (Damayanti, 2003: 5). Dalam memahami bahan bacaan, pemahaman pelajar umumnya masih terhad pada makna literal. Pelajar jarang digalakkan untuk membangunkan pemahaman yang bersifat inferensial, penilaian, dan apresiasi.

Dari segi umur, golongan remaja lebih mudah memahami teks secara tersurat (Yahya Othman, 2008). Aktiviti pemahaman membaca melibatkan interaksi antara pembaca, teks, tugas dan tujuan. Terdapat perkaitan pengetahuan sedia ada remaja dengan proses pemahaman isi kandungan teks. Malahan jawapan terhadap soalan pemahaman juga bergantung pada pengetahuan sedia ada remaja. Golongan remaja lebih mudah memahami kandungan bahan bacaan kerana faktor persekitaran, seperti terdedah dengan budaya teknologi maklumat dan media massa (Marohaini, 1989). Keperluan pemahaman membaca semakin meningkat apabila remaja berada di sekolah menengah. Mereka dikehendaki memahami teks yang lebih kompleks dan ditulis secara implisit. Pada peringkat ini, mereka memerlukan pembentukan kemahiran menaakul yang baik dan kebolehan mengaplikasikan pengetahuan sedia ada dalam pelbagai konteks.

Chapman & King (2003: 5) mengatakan bahawa peranan utama seorang guru adalah untuk menampung dan mengekalkan kesediaan pelajar untuk belajar dan kesediaan membaca sehingga menjadi daya dalamannya. Apabila pelajar mempunyai kehendak, mereka bermotivasi, mereka menjadi pembaca yang dapat mengatur diri sendiri, semakin fasih dan bertanggungjawab.

Model yang memberikan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan berupaya untuk membentuk autonomi pelajar sangat diperlukan (Brown, 2001: 131). Sebagai hasil prosesnya, pelajar dapat menilai bacaan dengan memantau proses membaca dan menilai kemajuan membaca (McNeil, 1984: 83). Aktiviti sedemikian merupakan aktiviti meta kognitif.

Model pembelajaran tersebut merupakan kerangka konsep atau pola yang digunakan sebagai panduan dalam merancang dan merealisasikan proses pembelajaran. Model pembelajaran untuk membaca ialah pola yang digunakan dalam aktiviti pembelajaran untuk membaca supaya pelajar yang benar-benar bertindak balas terhadap aktiviti mendapat mesej. Kualiti membaca seseorang ditentukan oleh cara seseorang memahami bahan bacaan yang dibaca.

Finocchiaro (1989:113) mengatakan "Terdapat tiga faktor yang mempengaruhi pemahaman membaca seseorang, iaitu keupayaan intelektual, pengetahuan luas, dan strategi membaca. Untuk dapat membaca dengan betul, seseorang itu harus mempunyai keupayaan intelektual, pengetahuan yang luas, dan strategi yang sesuai.

Seseorang yang ada minat membaca biasanya bersemangat apabila ditawarkan bahan bacaan. Mereka bersemangat, aktif, dan kreatif untuk segera mengetahui maklumat dalam bahan bacaan. Di samping itu, mereka akan mengkaji semula apa yang telah mereka baca dan cuba mencari apa yang tidak

difahami dengan menggunakan pengetahuan sedia ada (misalnya, tentang sintaksis dan perbendaharaan kata) dan kemahiran lain untuk memahami teks yang dibaca. Pemahaman membaca berlaku melalui penerapan strategi dan kemahiran. Keupayaan untuk mengintegrasikan kedua-duanya akan mendorong seseorang membaca secara aktif.

Strategi Metakognitif dalam Pemahaman Membaca

Terdapat tiga prinsip psikologi dalam proses strategi pemahaman membaca yang meliputi: (1) kepentingan pengetahuan awal pelajar dalam memperoleh maklumat baharu, (2) tahap pemahaman teks yang dicapai dalam suatu bahan, dan (3) penyediaan maklumat untuk membantu ingatan jangka panjang. Berdasarkan pemerhatian tahap belajar untuk membaca seperti yang dicadangkan oleh pakar, para ahli pada mulanya memberikan perhatian lebih kepada aktiviti pra dan pascabacaan. Walau bagaimanapun, penilaian oleh pakar tentang proses semasa membaca mendapati bahawa aktiviti membaca adalah penting dalam mereka bentuk pembelajaran membaca (Eri, 2016: 39).

Strategi Metakognitif PQ4R dalam Pemahaman Membaca

Strategi meta kognitif merujuk kepada cara untuk meningkatkan kesedaran tentang proses pemikiran dalam pembelajaran berterusan. Sekiranya kesedaran ini direalisasikan, maka seseorang boleh mula berfikir tentang merancang, memantau dan menilai apa yang dipelajari. Sekiranya strategi ini digunakan dalam aktiviti membaca, dipercayai berjaya meningkatkan pemahaman bahan bacaan. Langkah-langkah aktiviti pemahaman membaca yang menggunakan strategi meta kognitif PQ4R (Prebiu, Soalan, Baca, Refleksi, Baca semula, Semak) dikelompokkan pada peringkat awal, sedang, dan akhir pemahaman membaca.

Banyak kajian telah dilakukan untuk membantu menjelaskan lebih lanjut mengapa PQ4R berfungsi. PQ4R berdasarkan teori pemprosesan maklumat pembelajaran. Pertama, pembaca mengambil maklumat menggunakan organ deria. Seterusnya, pembaca cuba menampung maklumat baharu menggunakan pengetahuan sedia ada untuk memproses maklumat tersebut melalui sistem memori mereka. Kemudian pembaca dapat menyusun, mengkategorikan dan mengasimilasikan maklumat baharu daripada bacaan dengan cara yang paling bermakna. Kelebihan terbesar yang ada pada PQR4 ialah dapat mempromosikan pembacaan aktif. Apabila kita membaca, kita melambatkan input maklumat, kerana maklumat hanya dalam jangka pendek / memori kerja selama kira-kira 5 saat, melainkan jika kita menghayatinya lebih dalam. Dengan menggunakan strategi PQ4R, semakin banyak pembaca mendapat maklumat kerana semakin mudah untuk menengahi maklumat, maklumat lebih bermakna, sehinggakan mudah untuk mendapatkan kembali maklumat dari memori jangka panjang (Whitman, 2016: 65).

Strategi meta kognitif PQ4R diterapkan dalam kajian ini untuk menilai pemahaman membacasiswa kajian. Model pemahaman membaca berasaskan strategi meta kognitif PQ4R ialah satu model alternatif yang boleh digunakan untuk membantu remaja dalam mengatasi pelbagai masalah dalam meningkatkan kemahiran membaca mereka. Ujian pra dan ujian pasca diimplementasikan kepada tiga Kumpulan Remaja dalam lingkungan umur 13, 14 dan 15 tahun. Mereka ialah pelajar tingkatan 1, 2 dan 3 yang menuntut di di Sek. Men. Batu Kikir (Model Khas) Negeri Sembilan, Malaysia. Tujuan kajian adalah untuk menganalisis kemampuan pemahaman membaca remaja selepas aplikasi strategi meta kognitif PQ4R, menilai tahap keaktifan pemahaman membaca teks jenis fakta, dan merumuskan pemahaman membaca teks berdasarkan tafsiran skor strategi meta kognitif PQ4R.

1.2

Pernyataan Masalah

Salah satu isu penting yang kurang diberi perhatian dalam pengkajian tentang proses pembelajaran ialah menguasai bentuk soalan pada aras kognitif tinggi. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaporkan keupayaan calon menjawab soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam peperiksaan berdasarkan kemahiran berfikir yang diperlukan untuk menjawab soalan. Secara keseluruhannya, 27% calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2017 menguasai KBAT pada tahap tinggi, 39% pada tahap sederhana dan 34% pada tahap rendah. Kemahiran menganalisis, menilai dan mencipta masih pada tahap sederhana (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018:8). Keputusan peperiksaan mata pelajaran Bahasa Melayu menunjukkan calon Cemerlang 32.0%, Kepujian 44.7%, Lulus 16.7%, dan Gagal 6.6%. Bilangan calon yang menduduki SPM adalah sebanyak 373,690 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018:18).Sehubungan dengan laporan KPM ini, salah satu tujuan menjalankan pengkajian untuk tesis ini adalah menerapkan strategi meta kognitif yang dapat

meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) pelajar menengah atas. Hal ini demikian kerana para pelajar lebih cenderung memilih soalan pada aras rendah yang dianggap lebih selamat berbanding soalan berbentuk fakta, analisis, komen serta penghuraian logik yang memerlukan pemikiran kritis dan analitis.

Selanjutnya, Laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2018:9-10) menyatakan bahawa para pelajar masih belum mempunyai kerangka konseptual yang jelas dalam menghasilkan jawapan secara kritis. Jawapan yang diberikan gagal dikembangkan dengan baik. Ini sekali gus menyebabkan penjelasan tentang isi secara tersurat dan tersirat menjadi lemah. Para pelajar juga masih gagal memahami tugasan soalan serta kehendak frasa penyoalan yang menjadi tunjang bagi setiap pertanyaan. Ini seterusnya mengakibatkan kandungan isi jawapan yang dikemukakan jauh daripada fokus pertanyaan, meleret-leret dan tidak tepat.

Pengkaji seperti Noor Rohana (1996) dan Rawadieh (1998) telah membuat penelitian tentang aspek aras kognitif soalan yang diaplikasi dalam proses pembelajaran di bilik darjah dan dalam bahan kurikulum terutamanya buku teks dan buku kerja merumuskan bahawa penggunaan soalan pada aras rendah yang memerlukan ingatan pelajar menjadi pilihan pelajar berbanding dengan soalan pada aras tinggi. Lantaran itu, para pelajar tidak mendapat pendedahan dan rangsangan kognitif yang sewajarnya sebagai persediaan untuk menghadapi situasi peperiksaan. Keadaan ini telah menyumbang kepada kelemahan pelajar dalam menjawab soalan dengan mantap dan berkesan seperti laporan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pemahaman membaca bukan satu langkah atau kemahiran yang diperoleh dengan mudah, sebaliknya proses yang sangat kompleks yang guru dapati sukar untuk mengajar kerana melibatkan pemikiran, pengajaran, pengalaman masa lalu, dan pengetahuan (Prado & Plourde, 2005).

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, masalah remaja dalam pemahaman bacaan muncul kerana beberapa faktor. Faktor utama ialah mereka tidak memahami makna beberapa kosa kata dalam teks. Keadaan ini memerlukan guru menyusun strategi pembelajaran yang membina peranan pelajar.

Masalah pelajar lemah dalam bacaan dan tidak memahami kandungan yang dibaca merupakan isu yang boleh mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Golongan remaja juga tidak terkecuali daripada permasalahan ini. Masih terdapat rungutan para guru sekolah menengah yang mempersoalkan pelajar tidak boleh membaca dan memahami teks dengan berkesan (Tamam, et. al, 2011).

Pemahaman membaca secara konsisten kebanyakan remaja yang menuntut di menengah rendah masih lemah. Dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, pelajar menyelesaikan pelbagai tugas dalam setiap unit, sebahagiannya memerlukan pelajar membaca sendiri dan menganalisis teks dari buku teks mereka. Agar pelajar mahir dalam menjawab soalan-soalan pemahaman teks, pelajar perlu dapat menganalisis dan memahami teks bertulis. Walau bagaimanapun, ramai remaja yang menghadapi masalah bertukar dari pembaca pasif kepada pembaca aktif. Membaca secara aktif membolehkan pemahaman yang lebih mendalam dan lebih baik mengenai teks. Setelah penilaian diberikan kepada remaja berdasarkan bacaan yang dipilih, pengkaji mendapati bahawa tanpa bimbingan guru dan arahan terus, ramai pelajar tidak mampu memahami sepenuhnya bahan bacaan yang diberikan kepada mereka. Oleh itu, saya mula menyelidiki strategi pemahaman untuk membantu remaja: strategi PQ4R, dengan matlamat meningkatkan pembelajaran dan pencapaian remaja.

Pemahaman membaca juga sering dipengaruhi oleh faktor keberkesanan pengajaran guru. Dalam kajian yang dijalankan oleh Taman et. al, (2011), strategi pengajaran guru Bahasa Melayu yang tidak berkesan merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada permasalahan pelajar tidak boleh membaca dan memahami dengan berkesan. Kebanyakan guru Bahasa Melayu mengendalikan pengajaran bacaan dan pemahaman dengan memberi tumpuan kepada latihan menjawab soalan semata-mata (Zamri Mahamod, 2008). Guru sekadar meminta pelajar membaca petikan dan bersoal jawab berkaitan teks bacaan. Dalam hal ini, proses pengajaran pemahaman teks bacaan tidak dijalankan dengan berkesan.

Masalah ini bertambah kritikal apabila guru BM tidak mendedahkan teknik serta strategi yang melibatkan pemahaman teks kepada pelajar. Hal ini juga disebabkan oleh kurangnya pengalaman dan pengetahuan terhadap strategi-strategi membaca yang memerlukan pelajar berfikir secara mendalam seperti menggunakan strategi meta kognisi. Akibat masalah ini, pengajaran pemahaman bacaan tidak menekankan kepada proses pemahaman yang mendalam. Pemahaman teks tidak hanya dengan cara menyebut dan memberi makna perkataan demi perkataan yang terkandung dalam bahan yang dibaca. Pemahaman terhadap teks berlaku jika pembaca dapat memahami akan maksud yang hendak disampaikan oleh penulis, menghubungkan antara maklumat yang dibaca dengan maklumat yang telah diketahui dan membuat aplikasi terhadap perkara yang telah dipelajari dengan pengalaman sebenar. Oleh itu, remaja yang tidak didedahkan dengan teknik dan strategi memahami teks bacaan yang berkesan, sukar untuk mengamalkan cara belajar membaca dan memahami teks dengan lebih berkesan.

Tahap pemahamanmembacaremajadi sekolah menengah perlu dipertingkatkan. Asas pemahamanmembaca yang rendah memberi kesan yang negatif termasuk pencapaian yang rendah, minat belajar yang kurang, dan keyakinan diri yang rendah. Ketidakcekapan menguasai kemahiran pemahaman bacaan menyebabkan terdapat soalan pemahaman tidak dijawab oleh calon dengan baik. Kebanyakan remaja enggan mempelajari Bahasa Melayu dengan menggunakan teknik atau pendekatan yang berkesan. Remaja tidak menyedari bahawa Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran berorientasikan kemahiran. Sesuatu bersifat kemahiran memerlukan latihan yang banyak demi memperoleh kecekapan yang tinggi.

Objektif Kajian

Objektif pengkajian yang ingin dicapai oleh pengkaji adalah seperti yang berikut:

1. Menganalisis kemampuan pemahaman membaca remaja dalam lingkungan umur 13, 14 dan 15 tahun selepas aplikasi strategi meta kognitif PQ4R.
2. Menilai tahap keaktifan pemahaman membaca teks jenis fakta dalam kalangan remaja mengikut kumpulan umur.
3. Merumuskan pemahaman membaca teks berdasarkan tafsiran skor strategi kesedaran meta kognitif.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang dikemukakan oleh pengkaji adalah seperti yang berikut:

1. Apakah cara untuk menganalisis kemampuan pemahaman membaca remaja dalam lingkungan umur 13, 14 dan 15 tahun selepas aplikasi strategi meta kognitif PQ4R?
2. Apakah indikator yang boleh digunakan untuk menilai tahap keaktifan pemahaman membaca teks jenis fakta dalam kalangan remaja berdasarkan kumpulan umur?
3. Bagaimanakah mentafsir skor strategi meta kognitif PQ4R dalam pemahaman membaca?

Kepentingan Kajian

Kepentingan kompleksiti aras kognitif soalan telah diberi perhatian oleh beberapa pengkaji. Misalnya, menurut Dillon (1981), aras kognitif soalan memberi kesan ke atas tindak balas pelajar. Ini kerana kepelbagaian kognitif dalam jawapan remaja sebahagian besarnya ditentukan oleh kepelbagaian kompleksiti soalan yang diberi. Secara umumnya soalan pada aras mengecam dan mengingat yang mempunyai tahap kesukaran rendah mendapat jawapan pendek berbanding dengan soalan pada aras tinggi yang memerlukan pelajar memberikan pendapat dan inferensi.

Rumusan yang sama dibuat oleh Ruddel (1974) yang meneliti pertalian antara proses kognitif dengan kepelbagaian kompleksiti aras soalan dan merumuskan bahawa soalan pada aras kognitif tinggi seperti inferens dan aplikasi merangsang proses kognitif yang lebih tinggi berbanding dengan soalan pengalaman dan ingatan pada aras rendah. Oleh itu, soalan pada aras rendah hanya memerlukan ingatan dan pengalaman remaja sebagai jawapan. Sebaliknya, soalan pada aras kognitif tinggi melibatkan pengubahsuaian teks melalui analisis, sintesis, mencari sebab-akibat dan seterusnya mengaplikasi kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Kajian berkaitan kompleksiti soalan yang pelbagai aras kognitif dalam bahan pengajaran, buku teks dan buku tambahan membuktikan dapatan yang sama iaitu kebanyakannya menggunakan soalan pada aras rendah. Rawadieh (1998), Noor Rohana Mansor (1996) dan Marohaini Yusoff (1989) masing-masing membuktikan aras kognitif soalan yang terkandung dalam bahan kurikulum rata-rata memberikan tumpuan pada aras rendah, terutamanya aras pengetahuan dan pemahaman manakala soalan pada aras kognitif tinggi diabaikan. Permasalahan ini penting diberi tumpuan kerana memberikan impak kepada proses pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu.

Menurut Harley (2001:336), salah satu strategi yang paling terkenal untuk kajian pemahaman membaca ialah strategi PQ4R. Sanacore (2000:3) berpendapat bahawa strategi ini berdasarkan pendekatan SQ3R. Harley (2001:336) berpendapat bahawa strategi PQ4R boleh digunakan sama ada untuk seluruh buku atau hanya satu bab dalam buku. Dalam pandangan Sanacore (2000:3), strategi PQ4R dapat membantu remaja memahami, menumpukan dan mengekalkan ingatan dengan lebih baik. Selain itu, pengkajian yang dilakukan oleh Hansclocky (disebut dalam Sulhan, 2007:69) menyimpulkan bahawa penggunaan sistematik PQ4R dapat membantu remaja mengetahui, memahami, mengaplikasi, menganalisis, dan menilai teks atau bahan yang dibaca. Logsdon (2007:4) menyatakan bahawa PQ4R dapat meningkatkan pemahaman remaja mengenai teks dan mengingat fakta sebanyak 70%.

Dengan lebih lanjut, Harley (2014:387-388), menjelaskan bahawa psikolinguistik telah mencadangkan beberapa petua tentang bagaimana tahap pemahaman teks dapat ditingkatkan. Salah satu cara terbaik untuk belajar dipanggil kaedah PQ4R. Kaedah ini menekankan pengenalan pasti perkara utama dari apa yang dibaca dan mengamalkan pendekatan aktif terhadap bahan bacaan. Ini membolehkan skema matlamat yang sesuai diaktifkan dari awal. Kaedah ini juga membolehkan pembaca memproses bahan secara lebih mendalam, dan memikirkan implikasinya. Bahan bacaan harus dikaitkan dengan pengetahuan sedia ada. Teknik PQ4R dapat memaksimumkan pengekalannya ingatan. Membuat dan menjawab soalan dapat meningkatkan ingatan. Akhirnya, pemprosesan elaboratif terhadap bahan bacaan sangat bermanfaat kerana pembaca cenderung untuk mengingat kesimpulan. Kaedah PQ4R menggunakan semua pengetahuan dalaman. Kaedah ini boleh digunakan sama ada untuk seluruh buku atau hanya satu bab dalam buku.

Melalui kajian ini, pengkaji berharap dapat memberikan kelebihan untuk remaja dengan cara memotivasi remaja untuk melibatkan diri dalam proses pembelajaran secara aktif; mewujudkan minat remaja membaca bahan bacaan; membangunkan pemahaman membaca remaja; memupuk minat remaja untuk menjadi peserta dan menjalankan tugas secara individu; melatih keyakinan diri remaja; dan meletakkan remaja sebagai pusat pembelajaran.

Pengkaji berharap dapat memberikan kelebihan untuk sekolah. Hasil positif kajian ini dapat mewujudkan inovasi untuk sekolah membangunkan proses pengajaran dan pembelajaran dengan strategi pembelajaran yang menarik serta sesuai untuk meningkatkan pemahaman membaca remaja. Penerapan strategi PQ4R dapat menghasilkan kualiti output remaja yang baik.

Keseimbangan antara bahan dengan strategi pembelajaran adalah perlu. Guru perlu memilih strategi yang sesuai yang dapat membina semangat pelajar untuk belajar. Pengkaji cuba menerapkan strategi PQ4R (*Preview, Questions, Read, Reflect, Recite and Review*) untuk meningkatkan pemahaman membaca pelajar secara individu. Atas sebab itu, PQ4R sangat sesuai untuk digunakan untuk aktiviti dalam bilik darjah bertujuan menukar kebanyakan sikap pelajar yang tidak gemar membaca. Pengkaji menjalankan pengkajian ini sebagai usaha untuk meningkatkan pemahaman membaca kumpulan remaja dalam lingkungan umur 13, 14 dan 15 tahun melalui penggunaan strategi PQ4R di SMK Batu Kikir Negeri Sembilan, Malaysia.

Strategi PQ4R merupakan konsep pembelajaran mengajar yang membantu guru mengaitkan bahan-bahan pengajaran mereka untuk dikemukakan dalam masa sebenar (*real time*) pembelajaran, sehingga dapat meningkatkan pemahaman bahan pelajaran. Strategi PQ4R mewakili sebahagian daripada strategi elaborasi (terperinci). Strategi ini digunakan untuk membantu pelajar

mengingat apa yang dibaca mereka dan membantu proses pengajaran dalam bilik darjah dengan membaca buku atau teks. Menurut Slavin (2008:256), PQ4R ialah strategi yang membantu pelajar memahami dan mengingati apa yang telah dibaca mereka.

Pemahaman membaca amat penting untuk menguasai ilmu pengetahuan dalam zaman moden ini. Kemahiran membaca merupakan satu cara untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Kemahiran ini sangat penting dalam menentukan kejayaan seseorang menguasai mata pelajaran akademik. Keupayaan membaca dan memahami teks bukan sahaja penting untuk meningkatkan prestasi mata pelajaran bahasa, malah penting dalam menentukan pencapaian remaja dalam mata pelajaran lain. Keperluan remaja membaca dan memahami perkara yang dibaca sangat luas bidangnya dan menembusi hampir kesemua mata pelajaran dalam kurikulum sekolah. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, semua mata pelajaran, kecuali mata pelajaran Sains dan Matematik, diajar dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Sehubungan itu, guru harus mengenal pasti dan menentukan kemahiran yang perlu dikuasai remaja agar keupayaan pemahaman membaca mereka dapat ditingkatkan. Dalam usaha meningkatkan kemahiran pemahaman membaca remaja, tahap pemahaman remaja perlu diketahui dan difahami. Dengan mengetahui hasil kerja remaja dapat menunjukkan 'di mana' dan 'ke mana' sepatutnya tahap keupayaan mereka. Guru boleh mengetahui tahap pemahaman membaca remaja dengan cara mengesan penguasaan kemahiran pemahaman yang telah atau belum dikuasai remaja, seterusnya memberikan perhatian terhadap kemahiran tertentu. Oleh hal yang demikian, tahap pemahaman membaca remaja dapat dikesan dan tanda tahap pemahaman membaca boleh dibentuk. Pengkaji berpendapat tanda tahap atau peringkat pemikiran remaja penting dikaji. Oleh sebab itu, pengkaji menetapkan objektif kedua yang bertujuan untuk menilai tahap keaktifan pemahaman membaca kumpulan remaja mengikut umur 13, 14 dan 15 tahun. Pengkaji berharap hasil kajian dapat dimanfaatkan sebagai garis panduan kepada guru untuk menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan keperluan atau keupayaan remaja.

Dengan menggunakan strategi PQ4R, pengkaji mendapatkan maklumat ketika proses pemahaman membaca dijalankan. Kajian ini juga berhasrat untuk mengetahu sama ada benar pembaca yang memiliki pengetahuan sedia ada kurang bergantung pada teks. Dengan membawa lebih banyak pengetahuan sedia ada ke dalam proses membaca, pembaca dikatakan memperoleh jawapan bagi soalan dan jangkaan berkaitan teks. Jika soalan dan jangkaan dapat dijawab dengan memuaskan, pembaca dijangka akan memahami teks (Yahya Othman, 2008).

Ketika mengaitkan membaca dengan proses psikolinguistik, perilaku membaca bukanlah sekadar menukarkan huruf kepada bunyi dan menuturkan semula perkataan, tetapi melibatkan komunikasi secara tidak langsung antara penulis dengan pembaca. Komunikasi yang diwujudkan ialah aktiviti membina makna berdasarkan teks yang dibaca.

Makna dibina dengan memindahkan maklumat antara pembaca dengan teks melalui interaksi skemata pembaca dan teks. Setiap teks yang dikemukakan mengandungi makna tertentu, dengan itu, teks mempunyai potensi untuk membentuk makna. Walaupun makna terbina melalui pemindahan maklumat antara pembaca dan teks, makna yang dihasilkan bergantung pada ciri-ciri pembaca dan teks. Dalam kajian ini, ciri yang dimaksudkan ialah pembaca yang berlainan umur, iaitu remaja berumur 13, 14 dan 15 tahun. Pemahaman membaca lebih merupakan usaha membina jambatan antara maklumat baharu yang diperolehi daripada teks, dengan maklumat lama. Proses membaca ini merangkumi berbagai-bagai kemahiran, bermula daripada peringkat asas, seperti mengenal perkataan, hinggalah kepada yang lebih kompleks, seperti kebolehan membuat inferens, menilai dan menghayati sesuatu bahan bacaan.

Melalui pengkajian ini, pengkaji menilai tahap pemahaman membaca subjek kajian berdasarkan pengalaman dan intelektual kumpulan remaja. Turut dikaji ialah strategi kesedaran meta kognitif yang dapat meningkatkan keberkesanan dalam pemahaman bahan yang dibaca.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di Sek. Men. Batu Kikir (Model Khas) Negeri Sembilan, Malaysia. Pengkaji memilih lokasi ini kerana satu-satunya sekolah Model Khas di Negeri Sembilan. Jenis pensampelan bertujuan kes kritikal dipilih kerana sesuai dalam situasi kaedah eksperimen apabila perkadaran dalam sampel tidak diutamakan. Tiga Kumpulan Remaja berumur 13, 14 dan 15 tahun dipilih sebagai subjek kajian. Jumlah subjek kajian adalah sebanyak 60. Ujian pra dijalankan untuk menganalisis kemampuan pemahaman membaca remaja dengan menggunakan kaedah konvensional. Ujian pasca dijalankan setelah ketiga-tiga kumpulan selesai mengikuti pembelajaran menggunakan kaedah konvensional.

Ketiga-tiga kumpulan remaja didedahkan dengan strategi meta kognitif PQ4R dalam ujian pasca. Setiap ahli dalam Kumpulan Remaja menerima Lembaran Kerja Berpandu PQ4R yang sama yang mengandungi arahan untuk melaksanakan langkah-langkah Prebiu, Soalan-soalan, Baca, Refleksi, Baca semula dan Semak. Mereka turut diberikan petikan teks jenis fakta. Tajuk petikan adalah berbeza-beza. Bahan bacaan dan soalan-soalan pemahaman

dipetik daripada buku teks Bahasa Malaysia untuk tingkatan 1, 2 dan 3. Jumlah masa pembelajaran adalah sama untuk setiap kumpulan, iaitu 70 minit untuk ujian pra dan 70 minit untuk ujian pasca. Aspek yang dikaji ialah pemahaman membaca teks jenis fakta kategori penjelasan yang bertujuan untuk menilai kemampuan kumpulan remaja dalam lingkungan umur 13 (20 orang), 14 (20 orang) dan 15 tahun (20 orang) memahami teks berasaskan strategi meta kognitif PQ4R.

Definisi operasional

Pemahaman Membaca

Grabe (2009:14) memaklumkan bahawa pemahaman berlaku apabila pembaca mengekstrak dan mengintegrasikan pelbagai maklumat dari teks dan menggabungkan sedikit apa yang sudah diketahui. Pemahaman membaca berfungsi untuk memahami teks yang dibaca sebagai proses membina makna dari teks (Dechant, 2012: 8).

Janette, et.al, (2007:2) mendefinisikan pemahaman membaca sebagai proses membina makna dengan menyelaraskan beberapa proses kompleks yang merangkumi pembacaan kata, makna dan pengetahuan dunia serta kefasihan pembaca. Hal ini bermaksud pembaca dapat memperoleh fakta yang penting dan terperinci. Pemahaman membaca memerlukan motivasi, kerangka mental untuk mengingat idea-idea, penumpuan dan teknik pembelajaran atau strategi yang baik.

Dalam konteks tesis ini, pemahaman membaca ialah proses membina makna dari teks. Dengan pemahaman membaca pelajar dapat memperoleh maklumat dan wawasan yang luas dari teks. Bagi mencapai pemahaman membaca, pelajar perlu mengecam dan memahami makna perkataan yang ditemui dalam teks. Salah satu cara yang boleh digunakan oleh remaja untuk mengendalikan perkataan yang difahami adalah dengan menggunakan konteks yang memerlukan remaja membuat inferens, iaitu kebolehan untuk membentuk hubungan tersurat dan tersirat antara perkataan baharu dengan konteks penggunaannya.

Bahan Bacaan

Bahan bacaan ialah sistem komunikasi yang dianjurkan sebagai unit yang bersatu padu. Bahan bacaan ialah apa-apa perbuatan komunikasi yang lengkap seperti novel, buku atau cerpen dan sebagainya (Peter & Megan, 2005: 29).

Terdapat dua kategori utama bahan bacaan, iaitu sastera dan fakta. Setiap jenis bahan bacaan mempunyai cara umum menggunakan bahasa. Bahan sastera ialah teks yang menarik emosi dan imaginasi pembaca. Bahan sastera dapat membuat pembaca ketawa atau menangis, berfikir tentang kehidupan atau sesuatu kepercayaan. Bahan fakta ialah teks yang menyajikan maklumat atau idea dan bertujuan untuk menunjukkan, memberitahu atau meyakinkan pembaca. Salah satu jenis teks utama dalam kategori fakta ialah penjelasan yang menerangkan bagaimana atau mengapa sesuatu berlaku (Mark & Kathy, 2003: 1).

Bahan bacaan yang digunakan oleh pengkaji untuk kajian ini ialah petikan jenis fakta kategori penjelasan daripada buku teks Bahasa Malaysia. Bahan bacaan jenis fakta kategori penjelasan diperoleh daripada buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan 1, 2 dan 3 yang digunakan oleh guru mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah, iaitu:

Mardian Shah dan Solehah Beseknorliana. (2016). Bahasa Melayu Tingkatan 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shamsul Yusli dan Asiah Masri. (2015). Bahasa Malaysia Tingkatan 2. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Supian Ali dan Azizul Rahman. (2012). Bahasa Malaysia Tingkatan 3. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bagi setiap kumpulan remaja yang berumur 13, 14 dan 15 tahun, dua teks digunakan dalam aktiviti pemahaman teks, iaitu:

Tingkatan 1: Soalan Pemahaman Teks Inovasi Pak Pak Bum Bum dan Soalan Pemahaman Teks Remaja Berkualiti Negara Gemilang.

Tingkatan 2: Soalan Pemahaman Teks Kemakmuran Sarawak dan Soalan Pemahaman Teks Pelabuan bebas cukai.

Tingkatan 3: Soalan Pemahaman Teks Masyarakat Baba dan Nyonya di Malaysia dan Soalan Pemahaman Teks Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (MERCY).

PQ4R

PQ4R ialah strategi pembelajaran yang dikembangkan oleh Thomas E.L dan Robinson H.A (1972). Akronim ini bermaksud *Preview, Questions, 4R (Read, Reflect, Recite and Review)* yang digunakan untuk membantu pelajar yang berdepan dengan kesukaran membaca. Pemahaman, mengekalkan dan mengimbas semula maklumat ialah satu cabaran bagi kebanyakan pelajar. Strategi PQ4R bertujuan menjadikan pemahaman membaca lebih mudah (Slavin, 1997: 297).

PQ4R terdiri daripada aktiviti berbeza yang pembaca mesti lengkapkan untuk melibatkan diri lebih aktif. "P" bermaksud Prebiu, bila mana remaja mengimbas bab sebelum mula membaca, menumpukan perhatian kepada pembahagian tajuk, gambar, petikan, kata pengantar, dan lain-lain. Prebiu bertujuan untuk membuka minda pembaca dan bersedia untuk menerima maklumat mendatang.

"Q" bermaksud 'Soalan-soalan', yakni pembaca membentuk soalan berdasarkan pembahagian tajuk. Soalan-soalan boleh dibuat hanya dengan memasukkan "siapa, apa, bila, di mana, kenapa" dalam bahagian idea-idea utama. Remaja boleh juga membuat soalan yang asli semasa mereka membuat 'Prebiu' bab.

'R' yang pertama ialah 'Baca', iaitu pembaca mula mencari jawapan kepada soalan-soalan yang diwujudkan di bahagian soal jawab. Jika pembaca mencatat nota, catatan harus menjadi ringkasan yang menggunakan perkataan pembaca sendiri. Seterusnya ialah 'Refleksi', iaitu pembaca berfikir tentang idea utama dalam bab dan jawapan kepada soalan-soalan yang telah dibuat.

Bagi langkah 'Baca semula', pembaca secara lisan membaca soalan dan jawapan menggunakan kata-kata sendiri. Pembaca juga harus menyorot nota dan menggariskan perkara penting. Langkah terakhir, iaitu 'Semak', pembaca menyemak jawapan untuk soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru.

Dalam konteks tesis ini, PQ4R ialah strategi membaca secara meta kognitif yang mengandungi empat idea utama, iaitu strategi meta kognitif, fasa, langkah, dan aktiviti. Di bawah strategi meta kognitif terdapat perancangan, implementasi, dan penilaian. Di bawah fasa ialah pra-bacaan, membaca, dan pasca bacaan. Di bawah langkah ialah PQ4R (Prebiu, Soalan-soalan, Baca, Refleksi, Baca semula, dan Semak). Aktiviti mengandungi arahan-arahan daripada guru kepada pembaca atau remaja. Arahan-arahan ini merangkumi semua yang berkaitan dengan Prebiu, Soalan-soalan, Baca, Refleksi, Baca semula, dan Semak. Setiap arahan perlu diikuti oleh guru.

Golongan Remaja

Golongan remaja di peringkat umur 13, 14 dan 15 tahun. Dalam kajian ini, pengkaji mengkaji 60 orang remaja di Batu Kikir, Negeri Sembilan, Malaysia. Mereka ialah pelajar yang menuntut dalam tingkatan 1, 2 dan 3.

1.8

Kesimpulan

Aspek yang dikaji dalam tesis ini ialah pemahaman membaca teks jenis fakta yang bertujuan untuk menilai kemampuan pemahaman membaca kumpulan remaja dalam lingkungan umur 13, 14 dan 15 tahun. Ujian pra dan pasca dilaksanakan terhadap 20 subjek kajian untuk setiap kumpulan remaja yang menuntut di Sek. Men. Keb. Batu Kikir Negeri Sembilan, Malaysia. Semua subjek kajian berjumlah 60 orang. Dua petikan teks bacaan digunakan bagi setiap kumpulan, iaitu 1 petikan untuk ujian pra dan 1 petikan untuk ujian pasca.

Pemahaman membaca ialah kebolehan atau kemampuan memahami dengan sepenuhnya apa yang dibaca. Dari segi umur, golongan remaja lebih mudah memahami teks secara tersurat. Terdapat perkaitan pengetahuan sedia ada remaja dengan proses pemahaman isi kandungan teks. Pemahaman membaca berlaku melalui penerapan strategi dan kemahiran. Keupayaan untuk mengintegrasikan kedua-duanya akan mendorong seseorang membaca secara aktif.

Strategi metakognitif merujuk kepada cara untuk meningkatkan kesedaran tentang proses pemikiran dalam pembelajaran berterusan. Langkah-langkah aktiviti pemahaman membaca yang menggunakan strategi meta kognitif Prebiu, Soalan, Baca, Refleksi, Baca semula, Semak dikelompokkan di peringkat awal, sedang, dan akhir pemahaman membaca.

Dengan menggunakan strategi PQ4R, semakin banyak pembaca mendapat maklumat kerana semakin mudah untuk mengetengahkan maklumat, maklumat lebih bermakna, sehinggakan mudah untuk mendapatkan kembali maklumat dari memori jangka panjang. Model pemahaman membaca berasaskan strategi meta kognitif PQ4R ialah satu model alternatif yang boleh digunakan untuk membantu remaja dalam mengatasi pelbagai masalah dalam meningkatkan kemahiran membaca mereka.



RUJUKAN

- Abdel Salam Abdel Khalek El-Koumy (2004) *Metacognition and Reading Comprehension : Current Trends in Theory and Research*. Cairo, Egypt: The Anglo Egyptian Bookshop.
- Aksana, N. & Kisaca, B. (2009). A descriptive study: Reading comprehension and cognitive awareness skills. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 1: 834–837
- Alireza Karbalaee (2011). Metacognition and Reading Comprehension. *Íkala*, 16 (28).
- Anderson, N. (2009). ACTIVE Reading: The research base for a pedagogical approach in the reading classroom. In Han, Z.-H. & Anderson, N. (Eds.), *Second Language Reading: Research and Instruction* (pp. 117-143). Ann Arbor, MI: University of Michigan Press.
- Ashley Crossman. (2017). Understanding Purposive Sampling. Diakses pada 1.2.2018 daripada <https://www.thoughtco.com/purposive-sampling-3026727>
- Auerbach, E. & Paxton, D. (1997). It's not the English thing: bringing reading research into the classroom. *TESOL Quarterly*, 31, 237-261.
- Baker, L. (2002). Metacognition in comprehension instruction. In Block, C. C. & Pressley, M. (Eds.), *Comprehension Instruction: Research-based best Practices* (pp. 77-95). New York: The Guilford Press.
- Baker, L. (2008). Metacognitive development in reading: Contributors and consequences. In Mokhtari, K. & Sheorey, R. (Eds.), *Reading strategies of First and Second-Language Learners: See how They Read* (pp. 25-42). Norwood, MA: Christopher-Gordon.
- Block, C. & Pressley, M. (2007). Best practices in teaching comprehension. In Gambrell, L., Morrow, L. & Pressley, M. (Eds.), *Best Practices in Literacy Instruction* (3rd ed., pp. 220-242). New York: Guilford Press.
- Bull. (2009). *Oxford Learner's Pocket Dictionary*. New York: Oxford University Press.
- Brandao Ana Carolina, P. A. (2004). 'How do you know this answer?' : children's use of text and prior knowledge in answering comprehension questions. Tesis PhD. United Kingdom: University of Sussex.
- Brown, H. Douglas. (2001). *Teaching by Principles: An Interactive Approach to Language Pedagogy*. San Fransisco: San Fransisco State University.

- Brown, A. L., Armbruster, B. B. & Baker, L. (1986). The role of metacognition in reading and studying. In Orasanu, J. (Ed.), *Reading Comprehension: From Research to Practice* (pp. 49-75). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Cahyo Hasanudin & Nur Alfin Hidayati. (2016). Eksperimentasi Strategi Belajar PQ4R Dengan Media Komik terhadap Keterampilan Membaca Pemahaman Cerita Anak pada Siswa Kelas VII SMP. *KEMBARA: Jurnal Keilmuan Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*. 2(2): 136-142
- Cain, K., Bryant, P., & Oakhill, J. (2004). Children's Reading Comprehension Ability: Concurrent Prediction by Working Memory, Verbal Ability, and Component Skills. *Journal of Educational Psychology*, 96 (1): 31-42
- Carrell, P. L., Gajdusek, L. & Wise, T. (1998). Metacognition and EFL/ESL reading. *Instructional Science*, 26, 97-112.
- Chapman, Carolyn & Rita King. (2003). *Differentiated Instructional Strategies for Reading in the Content Areas*. California: Corwin Press.
- Creswell, John W. and J. David Creswell. (2018). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. 5th edition. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Damayanti Vismaia. (2003). *Mendamba Indonesia yang Literat*. Bandung: Jurusan Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia FPBS UPI Pres.
- Dechant, V. (2012). *Improving the Teaching of Reading*. (3rd Ed.). USA: Prentice Hall.
- Devine, J. (1993). The role of metacognition in second language reading and writing. In Carson, J. & Leki, I. (Eds.), *Reading in the Composition Classroom: Second Language Perspectives*. Boston: Heinle & Heinle.
- Dhindsa, H. S., Makarimi-Kasim, X., & Anderson, O. R. (2011). Constructivist-visual mind map teaching approach and the quality of students' cognitive structures. *Journal of Science Education and Technology*, 20(2), 186-200.
- Dillon, J.T. (1981). Duration of response to teacher's questions and statements. *Contemporary Educational Psychology*, 6: 1-11.
- Eri Sarimanah. (2016). Keberkesanan Strategi Meta kognitif PQ4R Berasaskan Pembelajaran Model Di Sekolah Menengah Rendah. *International Journal of Language Education and Culture Review*, 2 (1): 74-81
- Fasko, D. (2015, March 5). Cognitive development [Powerpoint]. Diakses pada 10.9.2017 daripada <http://tinyurl.com/pgdbprr>

- Finocchiaro, M. (1989). *English As A Second/Foreign Language: From Theory to Practice*. New Jersey: Printice-Hall Regents.
- Flavell, J. H. (1979). Metacognition and cognitive monitoring: A new area of psychological inquiry. *American Psychologist*, 34: 906-911.
- Grabe. (2009). *Reading in a Second Language (Moving from Theory to Practice)*. Cambridge: Cambridge University Press
- Guthrie, J.T., Wigfield, A., & Perencevich, K. C. (Eds.). (2004). *Motivating Reading Comprehension: Concept-Oriented Reading Instruction*. Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Hacker, D. J., & Tenen, A. (2002). Implementing Reciprocal Teaching in The Classroom: overcoming Obstacles and Making Modifications. *Journal of Educational Psychology*, 94: 699-718.
- Garner, R., and Alexander, P. A. (1989). Metacognition: Answered and unanswered questions. *Educational Psychology*, 24: 143–158.
- Harley, T. A. (2001). *The Psychology of Language from Data to Theory* (2nd ed.) New York, Psychology Press Taylor & Francis Group.
- Harley, T. A. (2014). *The Psychology of Language from Data to Theory* (4th ed.) New York, Psychology Press Taylor & Francis Group.
- Henk, W. A., & Melnick, S. A. (1995). The Reader Self-Perception Scale (RSPS): A new tool for measuring how children feel about themselves as readers. *The Reading Teacher*, 48: 470–482.
- Israel, S.E., Cathy, C. B., & Kathryn, L.B. (2005). *Metacognition in Literacy Learning*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publisher.
- Janette K. Klinger, Sharon Vaugh, & Alison Boardman. (2007). *Teaching Reading Comprehension to Students with Learning Difficulties*. New York: The Guilford Press.
- Johns, J. L., & McNamara, L. P. (1980). The SQ3R study technique: A forgotten research project. *Journal of Reading*, 23: 705-708.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Pengumuman Analisis Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)*. Tahun 2017. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kiewra, K. A. (2002). How classroom teachers can help students learn and teach them how to learn. *Theory Into Practice*, 41(2): 71–80.
- Lehto, J. E., & Anttila, M. (2003). Listening Comprehension in Primary Level Grades Two, Four and Six. *Scandinavian Journal of Educational Research*, 47 (2): 133-143.

- Logsdon, Ann (2007). Improve Reading comprehension and Retention with research Based Strategy. *Journal of reading comprehension*, Retrieved January 20, 2011, from Ann Logsdon.About.Com
- Mardian Shah & Solehah Beseknorliana. (2016). *Bahasa Melayu Tingkatan 1*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mark & Kathy Anderson. (2003). *Text Types in English*. South Yarra : Macmillan Education.
- Marohaini Yusoff. (1989). *Strategi pengajaran bacaan dan kefahaman*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd.
- Marzano, R. J., & Haystead, M. (2009). *Final report on the evalution of the promethean technology*. Englewood: Marzano Research Laboratory.
- McGregor, K. K. (2004). Developmental dependencies between lexical semantics and reading. In C. A. Stone, E. R. Silliman, B. J. Ehren & K. Apel (Eds.), *Handbook of language and literacy: Development and disorders* (pp. 302-317). New York: Guildford Press.
- McNeil, John D.(1984). *Reading Comprehension*. Boston: Scott, Foresman Company.
- Mokhtari, K., and Reichard, C. A. (2002). Assessing Students' Metacognitive Awareness of Reading Strategies. *Journal of Educational Psychology*, 94 (2): 249–259
- Mokhtari, K., and Sheorey, R. (2002). Measuring ESL students' awareness of reading strategies, *Journal of Developmental Education*, 25 (3): pp. 2-10.
- Nagy, W. E., & Scott, J. A. (2000). Vocabulary processes. In M. L. Kamil, P. Mosenthal, P. D. Pearson & R. Barr (Eds.), *Handbook of reading research*, 3: 269-284
- Nathan R. Whitman, N.R. (2016). A Comparison of the Impacts of PQ4R and Mind Mapping. *Ohio Social Studies Review*, 52 (2): 63-72
- Noor Aina Dani & Zaleha Abd. Rahman. (2005). Protokol Pemikiran Verbal dalam Pemahaman Teks Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 5(1):136-171.
- Noor Rohana Mansor. (1996). *Analisis soalan kefahaman dalam buku kerja Bahasa Melayu peringkat menengah atas*. Disertasi Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan: Universiti Malaya.

- Noor Rohana Mansor. (2009). Model Analisis Aras Soalan Kognitif: Kajian Terhadap Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Menengah Atas. *Jurnal Melayu*, (4): 73-90
- Nur Aisyah Mohamad, and Zamri Mahamod, (2014) Tahap kemahiran meta kognitif murid tingkatan empat dalam pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1): 41-47.
- O'Malley, J. M., Chamot, A. U., Stewner-Mazaneres, G., Russo, R. & Kupper, L. (1985). Learning strategies applications with students of English as a second language. *TESOL Quarterly*, 19, 285-296.
- Ong Seng, Tan. (2003). *Educational Psychology: A Practitioner Researcher Approach*. Singapura: Thomson.
- Oxford, R. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. Boston: Heinle & Heinle.
- Paris, S. G., & Winograd, P. (1990). How metacognition can promote academic learning and instruction. In B. F. Jones & L. Idol (Eds.), *Dimensions of thinking and cognitive instruction* (pp. 15-51). Hillsdale, NJ: Erlbaum
- Peter Knap & Megan Watkins. (2005). *Genre, text, grammar : technologies for teaching and assesing writing*. Australia : University of New South Wales.
- Pelow, R. A. (1983). PQ4R as it affects comprehension of social studies reading material. *The Social Studies Journal*, 12: 14-22.
- Perfetti, C. (2007). Reading ability: Lexical quality to comprehension. *Scientific Studies of Reading*, 11(4): 357-383.
- Prado, L., & Plourde, L. (2005). Increasing reading comprehension through the explicit teaching of reading strategies: is there a difference among the genders? *Reading Improvement*, 32-43.
- Pressley, M. (2002). *Reading Instruction that Works*. 2nd ed. New York: The Guilford Press.
- Pressley, M., Snyder, B. & Cariglia-Bull, B. (1987). How can good strategy use be taught to children? Evaluation of six alternative approaches. In Cormier, S. & Hagman, J. (Eds.), *Transfer of Learning: Contemporary Research and Application* (pp. 81-120). Orlando, FL: Academic Press.
- Ratih Ramelan. (2008). Bahasa dan kognisi Studi korelasional tentang pemahaman teks ekspositori dan berpikir deduktif dan induktif pada siswa SMA. *WACANA*, 10 (1): 72-89.

- Rawadieh, S.M. (1998). An analysis of the cognitive levels of questions in Jordanian secondary Social Studies textbooks according to Bloom's taxonomy. *Dissertations Abstracts International*, 59 (4): 1060.
- Robinson, F. P. (1961). Study skills for superior students in secondary school. *The Reading Teacher*, 15(1): 29-33.
- Roberts, S. (2010). *Reading comprehension and listening comprehension in children: An individual differences investigation*. Tesis PhD. University of Central Lancashire, United Kingdom.
- Ruddell, R.B. (1974). *Reading-Language Instruction: Inovative Practices*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Ruqia Bibi and Manzoor H. Arif. (2011). Effect of PQ4R Study Strategy in Scholastic Achievement of Secondary School Students in Pakistan. *Language in India*, 4: 247-267.
- Sanacore, J. (1984). Metacognition and the improvement of reading: Some important links. *Journal of Reading*, 27(8): 706-712.
- Sanacore, J. (2003). Transferring the PQ4R Study procedure. *The Clearing House*, 55(5): 234-236.
- Shamsul Yusli & Asiah Masri. (2015). *Bahasa Malaysia Tingkatan 2*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sheorey, R. & Mokhtari, K. (2001). Differences in the metacognitive awareness of reading strategies among native and non-native readers. *System*, 29 (4): 431-449.
- Sinata, G., Brown, K. & Reynolds, R. (2002). Implications of cognitive resource allocation for comprehension strategies instruction. In Block, C. & Pressley, M. (Eds.), *Comprehension Instruction: Research-based Best Practices* (pp. 62-76). New York: Guilford Press.
- Slavin. (2008). *Educational Psychology: Teory and Practice*, Fifth Edition. Massachusettes: Allyn and Bacon Publisher
- Sporer, N., Brunstein, J.C., and Kieschke, U. (2009). Improving students' reading comprehension skills: Effects of strategy instruction and reciprocal teaching. *Learning and Instruction*, 19: 272-286.
- Sternberg, R. J., & Powell, J. S. (1983). Comprehending Verbal Comprehension. *American Psychologist*, 38(8): 878-893.
- Subiyanto. (1988). Pendidikan Ilmu Pengetahuan Alam. Jakarta: Depdikbud.

- Sulhan, A. (2007). Jurnal Penelitian Peningkatan prestasi Belajar Siswa dengan Menggunakan Strategi Elaborasi melalui Metode PQ4R. Diakses pada 21.11.2017 daripada <http://wikispaces.com/file/view/rk3019.pdf>
- Supian Ali & Azizul Rahman. (2012). *Bahasa Malaysia Tingkatan 3*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sugiyono. (2012). *Metode Penelitian Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif, Kualitatif, dan R&D*. Bandung : Alfabeta.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod & Afendi Hamat. (2011). Faktor dan kesan masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1): 89-107.
- Thomas, E.L., & Robinson, H.A. (1972). *Improving reading in every class: A sourcebook for teachers*. Boston: Allyn & Bacon.
- Trianto. (2009). *Model-Model Pembelajaran Inovatif Berorientasi Konstruktivistik*. Jakarta: Kencana
- Wan Dyaurudin Wan Mustappa. (2017). Keberkesanan Teknik Membaca SQ3R dalam Pengajaran Kefahaman Membaca di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1):1-10.
- Wiji Lestari. (2011). *Meningkatkan Kemampuan Membaca Pemahaman melalui Metode Preview, Questions, Read, Reflect, Recite, dan Review (PQ4R) Pada Pelajaran Bahasa Indonesia Siswa Kelas V SDN 018 Pagaruyung Kecamatan Tapung Kabupaten Kampar*. Skripsi Sarjana Pendidikan, Pekanbaru: Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Williams, S. (2005). Guiding students through the jungle of research-based literature. *College Teaching*, 22(4): 137-139.
- Whitman, N.R. (2015/2016). A Comparison of the Impacts of PQ4R and Mind Mapping. *Ohio Social Studies Review*, Winter 2015/2016, 52 (2):63-72.
- Yahya Othman. (2008). *Proses dan Strategi Membaca Berkesan*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Yahya Othman dan Dayang Raini Pakar (2013). Keberkesanan Strategi Metakognisi dalam Pengajaran Bacaan dan Kefahaman Menggunakan Teks Ekspositori. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13(3): 133-149.

- Yahya Othman, and Maszuraimah Muizz Sulaiman, (2013) Aplikasi strategi kesedaran metakognisi semasa membaca teks moden dan klasik dalam kalangan murid prauniversiti. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*,3(1): 61-71.
- Yoyok Budionno. (2012). Penerapan Methode PQ4R (Preview, Question, Read, Reflect, Recite, Review) Pada Pembelajaran Membaca di SMA Negeri 8 Malang. *Jurnal Universitas Malang*. Diakses pada 31.1.2018 daripada <http://jurnal-online.um.ac.id/data/artikel/artikel6BA250226CC601FF05824EA02F530B0C.pdf>
- Yusfarina Mohd Yussof; Abdul Rasid Jamian; Zaitul Azma Zainon Hamzah; dan Samsilah Roslan. (2015). Strategi Kognitif dan Afektif dalam Meningkatkan Penguasaan Pemahaman Bacaan dan Literasi Emosi Murid. *MAHAWANGSA (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)*, 2 (1):29-46
- Zamri Mahamod. (2008). *Psikolinguistik Dalam Pengajaran Dan Pemerolehan Bahasa Pertama Dan Kedua*. Shah Alam : Karisma Publications Sdn. Bhd.